6.1 Rangka pensampelan yang digunakan bagi pemilihan sampel Survei Gaji & Upah 2021 adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah yang terdiri daripada blok penghitungan (BP) yang diwujudkan untuk Banci Penduduk dan Perumahan 2010 yang dikemas kini dari semasa ke semasa.

6.2 BP merupakan suatu kawasan muka bumi yang diwujudkan untuk tujuan pelaksanaan operasi yang secara puratanya mengandungi antara 80 hingga 120 TK. Semua BP dibentuk dalam lingkungan sempadan yang diwartakan iaitu di dalam mukim atau kawasan majlis tempatan.

6.3 BP dalam rangka pensampelan dikelaskan mengikut kawasan bandar dan luar bandar.

i. Kawasan bandar
Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk seramai 10,000 orang atau lebih semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

- Kawasan tepu bina
Kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

Definisi kawasan bandar juga mengambil kira kawasan pembangunan khusus iaitu kawasan pembangunan yang tidak diwartakan dan boleh dikenal pasti serta terpisah dari kawasan yang diwartakan atau kawasan tepu bina melebihi 5 km dan mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang dengan 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

ii. Kawasan luar bandar
Kawasan selain yang diwartakan dan mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang serta kawasan yang tidak diwartakan.

6.4 Pemandaran merupakan proses yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut kemajuan dan pembangunan. Oleh itu, kawasan bandar bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2000 dan 2010 tidak semestinya merujuk kepada kawasan yang sama kerana kawasan yang memenuhi kriteria bandar akan terus bertambah dan berkembang mengikut masa.

7. REKA BENTUK PENSAMPELAN

7.1 Reka bentuk pensampelan berstrata dua peringkat telah digunakan iaitu:

- i. Strata utama: strata bandar dan luar bandar; dan
- ii. Strata kedua: negeri dan daerah pentadbiran di dalam strata utama.

7.2 Pemilihan sampel dua peringkat telah dilaksanakan dan sampel telah dipilih secara rawak. Unit pensampelan peringkat pertama ialah BP, sementara unit peringkat kedua ialah TK di dalam BP tersebut. TK terpilih meliputi semua isi rumah dan ahli yang tinggal di dalamnya. Di setiap

peringkat pemilihan, unit-unit telah dipilih secara sistematik dengan kebarangkalian yang sama dalam strata kedua.

8. SAIZ SAMPEL

8.1 Saiz sampel survei perlu mewakili populasi mengikut keperluan peringkat analisis yang ditetapkan. Saiz sampel survei ini telah mengambil kira elemen berikut:

- i. kadar respon daripada penyiasatan yang lepas;
- ii. peringkat reka bentuk pensampelan; dan
- iii. ralat yang disasarkan.

Faktor yang dipertimbangkan bagi memuktamadkan saiz sampel adalah kos, masa dan sumber manusia.

8.2 Agihan saiz sampel bagi Survei Gaji & Upah 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan BP Terpilih	Bilangan TK Terpilih
Johor	1,152	9,216
Kedah	1,020	8,160
Kelantan	804	6,432
Melaka	468	3,744
Negeri Sembilan	732	5,856
Pahang	912	7,296
Pulau Pinang	660	5,280
Perak	1,044	8,352
Perlis	300	2,400
Selangor	1,140	9,120
Terengganu	684	5,472
Sabah	1,416	11,328
Sarawak	1,440	11,520
W.P. Kuala Lumpur	456	3,648
W.P. Labuan	132	1,056
W.P. Putrajaya	144	1,152
Malaysia	12,504	100,032

9. PROSEDUR PENGANGGARAN

9.1 Statistik penduduk mengikut ciri-ciri kumpulan umur, jantina, etnik dan negeri digunakan sebagai penanda aras dalam penyediaan statistik gaji & upah melalui teknik anggaran nisbah bergabung (*adjusted weight*¹ dan faktor penduduk²).

9.2 Dua jenis statistik penduduk yang disediakan iaitu:

- i. **Unjuran penduduk** bagi menunjukkan saiz dan struktur penduduk jangka panjang berdasarkan andaian tertentu mengenai trend kesuburan, mortaliti dan migrasi. Statistik ini digunakan sebagai input dalam membuat perancangan dan penggubalan dasar pada masa hadapan.
- ii. **Anggaran penduduk** semasa bagi menggambarkan saiz populasi pada masa kini dan disediakan secara tahunan berdasarkan data semasa kelahiran, kematian dan migrasi.

9.3 Mulai penerbitan Survei Gaji & Upah 2015, statistik gaji & upah dianggarkan berdasarkan anggaran penduduk berbanding pendekatan terdahulu yang menggunakan unjuran penduduk. Selaras dengan penggunaan anggaran penduduk semasa, statistik siri masa 2010 dan seterusnya dikemas kini berdasarkan anggaran penduduk semasa tahun berkenaan.

10. KONSEP DAN DEFINISI

10.1 Maklumat gaji & upah yang dikumpul adalah merujuk kepada pekerjaan utama yang dilakukan oleh pekerja kerajaan atau swasta dalam bulan rujukan. Maklumat kadar upah dapat digunakan untuk mengukur perbezaan upah dan juga menilai kaitan gaji & upah dengan mobiliti buruh.

10.2 Statistik gaji & upah yang dipaparkan dalam laporan ini adalah merujuk kepada kadar upah merangkumi gaji pokok, elaun sara hidup dan lain-lain elaun dalam bentuk tunai atau benda seperti makanan dan penginapan percuma atau konsesi yang dibayar secara tetap dan berkala serta bayaran kerja lebih masa. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk bonus dan gratuiti, elaun keluarga dan lain-lain bayaran keselamatan sosial oleh majikan.

10.3 Isi rumah ditakrifkan sebagai seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup lain.

10.4 Kumpulan etnik dikategorikan di kalangan warganegara Malaysia setelah mengasingkan bukan warganegara. Pengelasan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
 - Bumiputera
 - Cina
 - India
 - Lain-lain
- ii. Bukan warganegara Malaysia

10.5 Tempat kediaman merupakan suatu struktur yang dibina berasingan dan bebas yang lazimnya digunakan untuk tempat tinggal.

i. Berasingan

Struktur dianggap berasingan jika ia dikelilingi oleh dinding, pagar dan lain-lain serta ditutupi oleh bumbung.

ii. Bebas

Struktur dikatakan bebas apabila ia mempunyai jalan masuk terus dari laluan umum, tempat lalu lintas atau ruang lapang (iaitu penghuni boleh masuk atau keluar dari tempat kediaman mereka tanpa melalui perkarangan orang lain).

10.6 Pencapaian pendidikan

Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi. Ia dikategorikan seperti berikut:

i. Tiada pendidikan rasmi

Mereka yang tidak pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang memberikan pendidikan secara rasmi.

ii. Rendah

Mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat Darjah 1 hingga 6 atau yang setaraf dengannya.

iii. Menengah

Mereka yang telah mencapai pendidikan di peringkat Tingkatan 1 (termasuk kelas peralihan) hingga Tingkatan 5, *General Certificate of Secondary Education (GCSE)* 'O' Level atau yang setaraf dengannya. Turut termasuk dalam kategori ini ialah program kemahiran asas di institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang mana tempoh pengajian adalah sekurang-kurangnya enam bulan seperti GIATMARA.

iv. Tertiar

Mereka yang telah mencapai peringkat tertinggi selepas Tingkatan 5.

10.7 Sijil tertinggi diperoleh

Merujuk kepada sijil tertinggi diperoleh daripada institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi dan disesuaikan berasaskan *International Standard Classification of Education (ISCED)* seperti berikut:

i. SPM dan ke bawah

- UPSR/UPSRA atau yang setaraf
Merujuk kepada Ujian Penilaian Sekolah Rendah, Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama atau yang setaraf.
- PT3/PMR/SRP/LCE/SRA atau yang setaraf
Merujuk kepada Pentaksiran Tingkatan 3, Penilaian Menengah Rendah,

Sijil Rendah Pelajaran, *Lower Certificate of Education*, Sijil Rendah Agama atau yang setaraf.

- SPM atau yang setaraf
Merujuk kepada Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf (*Senior Cambridge Certificate, General Certificate of Education 'O' Level dan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia*). Termasuk sijil kemahiran asas yang diperoleh dari institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang mana tempoh pengajian adalah sekurang-kurangnya enam bulan seperti sijil GIATMARA.
- ii. STPM atau sijil
 - STPM atau yang setaraf
Merujuk kepada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, *Higher School Certificate* atau kelulusan yang setaraf (Sijil Tinggi Agama dan *General Certificate of Education 'A' Level*).
 - Sijil
Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada kolej, politeknik atau institusi-institusi lain yang menawarkan pendidikan rasmi. Tempoh pensijilan adalah tidak kurang daripada enam bulan.
- iii. Diploma
Merujuk kepada diploma atau sijil setaraf dengannya dan diperoleh selepas kategori (i) atau (ii) daripada universiti, kolej, maktab atau politeknik sebelum peringkat ijazah.
- iv. Ijazah
Merujuk kepada ijazah (Ijazah Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah) yang diperoleh dari institusi pengajian tinggi awam atau swasta atau yang setaraf.
- v. Tiada sijil/Tidak berkenaan
 - Tiada sijil
Merujuk kepada mereka yang masih di bangku sekolah atau tamat persekolahan tanpa memperoleh sebarang sijil.
 - Tidak berkenaan
Merujuk kepada mereka yang tiada pendidikan rasmi.

10.8 Pekerjaan

Bagi data 2010, pekerjaan dikelaskan mengikut klasifikasi Piawai Pengelasan Pekerjaan, Malaysia (MASCO) 1998 berasaskan kepada *International Standard Classification of Occupations (ISCO-88)* seperti berikut:

1. Penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurus
2. Profesional
3. Juruteknik dan profesional bersekutu
4. Pekerja perkeranian
5. Pekerja perkhidmatan pekerja kedai dan jurujual

6. Pekerja mahir pertanian dan perikanan
7. Pekerja pertukangan dan yang berkaitan
8. Operator loji dan mesin dan pemasang
9. Pekerjaan asas

Pekerjaan bagi data tahun 2011-2015 dikelaskan mengikut klasifikasi Piawaian Pengelasan Pekerjaan, Malaysia (MASCO) 2008 berdasarkan kepada *International Standard Classification of Occupations (ISCO-08)* seperti berikut:

1. Pengurus
2. Profesional
3. Juruteknik dan profesional bersekutu
4. Pekerja sokongan perkeranian
5. Pekerja perkhidmatan dan jualan
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan
8. Operator loji dan mesin serta pemasang
9. Pekerjaan asas

Mulai data 2016, pekerjaan dikelaskan mengikut MASCO 2013 yang masih lagi berasaskan ISCO-08 tetapi ditambahbaik selaras dengan transformasi proses kerja, bidang pengkhususan suatu tugas dan kemahiran yang lebih kompleks dan dinamik. Pengelasan pekerjaan berasaskan MASCO 2013 adalah seperti berikut:

1. Pengurus
2. Profesional
3. Juruteknik dan profesional bersekutu
4. Pekerja sokongan perkeranian
5. Pekerja perkhidmatan dan jualan
6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan
7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan
8. Operator mesin dan loji, dan pemasang
9. Pekerja asas

Bagi seseorang yang mempunyai lebih daripada satu pekerjaan, hanya pekerjaan yang mengambil masa terbanyak semasa tempoh rujukan dianggap sebagai pekerjaan utamanya. Jika masa bekerja bagi tiap-tiap pekerjaan itu sama, maka pekerjaan yang menghasilkan pendapatan tertinggi adalah pekerjaan utamanya. Dalam kes di mana bilangan jam bekerja dan pendapatannya adalah sama bagi setiap pekerjaan, pekerjaan di mana dia telah bekerja paling lama dianggap sebagai pekerjaan utamanya.

10.9 Industri

Industri dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0 yang berasaskan kepada *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC) Revision 4*.

Pengelasan industri seseorang merujuk kepada yang berkaitan dengan pekerjaan utama.

Sektor dalam jadual statistik merupakan klasifikasi semula industri seperti berikut:

Sektor	MSIC 2008
Pertanian	Pertanian, perhutanan dan perikanan
Perlombongan & pengkuarian	Perlombongan dan pengkuarian
Pembuatan	Pembuatan
Pembinaan	Pembinaan
Perkhidmatan	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara
	Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan
	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal
	Pengangkutan dan penyimpanan
	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman
	Maklumat dan Komunikasi
	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful
	Aktiviti Hartanah
	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal
	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan
	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib
	Pendidikan
	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial
	Keseniaan, hiburan dan rekreasi
	Aktiviti perkhidmatan lain
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	

11. KEBOLEHPERCAYAAN STATISTIK

Statistik yang dijana berdasarkan survei yang dijalankan secara sampel berkebarangkalian ini tertakluk kepada dua jenis ralat iaitu ralat pensampelan dan ralat bukan pensampelan.

11.1 Ralat pensampelan

Ralat pensampelan berpunca daripada anggaran data berasaskan survei sampel berkebarangkalian berbanding populasi. Ralat ini boleh diukur dengan menggunakan **Ralat Piawai Relatif (*Relative Standard Error [RSE]*)** dan dinyatakan dalam bentuk peratusan. Ia digunakan sebagai penunjuk kepada kepersisan anggaran parameter yang dikaji. Ini memberi gambaran tahap variasi pembolehubah yang dianggarkan melalui survei

berbanding dengan parameter populasi.

Anggaran ralat pensampelan telah dikira secara berasingan untuk beberapa pembolehubah penting bagi peringkat nasional dan negeri seperti di Jadual D1 hingga D3. Bagi Survei Gaji & Upah 2021, purata gaji & upah ialah RM3,037, dengan RSE 0.35 peratus, iaitu ralat piawai (*Standard Error*) ialah RM10.71. Pada 95.0 peratus selang keyakinan ($\alpha = 0.05$), purata gaji & upah bulanan berada di antara RM3,016 hingga RM3,058.

11.2 Ralat bukan pensampelan

Ralat ini boleh berpunca daripada liputan survei yang tidak lengkap, kelemahan rangka, ralat maklum balas, tiada respon dan kesilapan semasa prosesan sama ada di peringkat penyuntingan, pengekodan atau tangkapan data. Bagi memastikan kualiti data berada pada tahap yang tinggi, beberapa langkah pentadbiran telah diambil supaya ralat bukan pensampelan adalah di tahap minimum. Antaranya melalui latihan intensif kepada penyelia dan penemuramah. Selain daripada itu, penyeliaan yang rapi dan semakan kualiti secara rawak dijalankan ke atas isi rumah yang diliputi untuk memastikan kesahihan maklum balas yang dicatatkan.

Bagi mengatasi kes tiada respon yang berpunca daripada beberapa sebab seperti TK kosong, tiada penghuni dirumah, enggan kerjasama atau TK tidak layak diliputi dalam survei, maka penganggaran saiz sampel survei ini telah mengambil kira semua kemungkinan tersebut.

Pengemaskinian rangka pensampelan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa telah dapat mengurangkan kadar tiada respon yang berpunca daripada TK kosong. Publisiti yang meluas dilaksanakan melalui media elektronik serta media cetak bagi mengurangkan kes tiada penghuni di rumah dan enggan kerjasama.

Di peringkat prosesan data, semakan konsistensi bagi setiap pembolehubah dan proses validasi telah dilaksanakan secara sistematik bagi meminimumkan kesemua jenis ralat bukan pensampelan.

12. PERSEMBAHAN STATISTIK

Statistik di dalam laporan ini dipersembahkan pada peringkat nasional meliputi tajuk berikut:

- i. Jantina;
- ii. Kumpulan umur;
- iii. Pencapaian pendidikan;
- iv. Sijil tertinggi diperolehi;
- v. Strata bandar dan luar bandar;
- vi. Negeri;
- vii. Pekerjaan;
- viii. Kategori Kemahiran;
- ix. Industri;
- x. Sektor;
- xi. Etnik; dan
- xii. Bukan Warganegara.

13. PEMBUNDARAN ANGGARAN

Hasil tambah bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama dengan jumlah yang ditunjukkan dalam jadual yang berkaitan kerana pembundaran secara bebas kepada satu titik perpuluhan. Walau bagaimanapun, perbezaan adalah tidak ketara.

14. NOTA, SIMBOL DAN SINGKATAN

-	Kosong/ Tiada kes
n.a	Tidak berkenaan
W.P.	Wilayah Persekutuan
0.0	Kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan misalnya kurang daripada 0.05 peratus
*	Bilangan penerima terlalu kecil untuk dibuat anggaran

1. INTRODUCTION

1.1 *The statistics published in this report is based on Salaries & Wages Survey (SWS) conducted by Department of Statistics Malaysia (DOSM). The implementation of this survey is based on guidelines and recommendations of the International Labour Organization (ILO) with reference to An Integrated System of Wages Statistics.*

1.2 *Salaries & Wages Survey is one of the modules in the Labour Force Survey (LFS) which is carried out from January until December to provide salaries & wages statistics at the national and state levels as well as urban and rural areas. The comprehensive and systematic approach in data collection and processing has been maintained over a period of time in order to obtain comparable time series statistics.*

1.3 *The information obtained from SWS is gathered under the provisions of the Statistics Act 1965 (Revised 1989). Section 6 of this Act requires any individuals to provide actual information or best estimates to DOSM. Meanwhile, Section 7 of this Act allows respondents whom refuse to cooperate in the undertaking of the survey to be penalised. The Act stipulated that the detailed information gathered is confidential and only aggregated figures are published.*

1.4 *Starting with the Salaries & Wages Survey Report 2017, the main statistics presented in the report is for the citizens. Meanwhile, the salaries & wages selected statistics consists of non citizens is shown in a separate table starting 2018.*

1.5 *This technical note comprises of detailed explanation on concepts, definition and methodology used to conduct Salaries & Wages Survey to assist users to better understand salaries & wages information obtained via household approach.*

2. OBJECTIVE OF THE SURVEY

2.1 *The main objective of Salaries & Wages Survey is to obtain the wage rate from the principal job through household approach. The main indicators of salaries & wages from this survey are important labour market information that can be used by government agencies as inputs in policy planning and formulation as well as implementation of programmes related to human resources and social development.*

3. METHOD OF DATA COLLECTION

3.1 *Salaries & Wages Survey uses the personal interview method. During the survey period, trained interviewers visit households in selected living quarters (LQs) to collect demographic information on all household members and salaries & wages particulars of household members aged 15 years and over.*

3.2 *Field checks are undertaken to identify and correct any possibility of errors or omissions at the time when the survey is conducted. In addition to this, selected households are interviewed again to check the quality of data collection.*

3.3 A total of 25.0 per cent of the repeated panel were interviewed by using Computer-Assisted Telephone Interviewing (CATI).

3.4 The survey questionnaire is designed to collect the information related to the components of salaries & wages received by the paid employees in the public and private sectors from the principal occupation in the reference month. Information collected from those employees include usual occupation in the last month, mode of payment, number of working hours & days worked and total salaries & wages received during the reference month.

4. REFERENCE PERIOD

The reference period for the collection of Salaries & Wages Survey is one month prior to interview session or data collection. Starting 2017, Salaries & Wages Survey was conducted for 12 months compared to 6 months in the previous year whereby the reference periods and survey months are as follows:

<i>Salaries & Wages Survey 2021</i>	
<i>Reference period</i>	<i>Survey month</i>
<i>December 2020</i>	<i>January 2021</i>
<i>January 2021</i>	<i>February 2021</i>
<i>February 2021</i>	<i>March 2021</i>
<i>March 2021</i>	<i>April 2021</i>
<i>April 2021</i>	<i>May 2021</i>
<i>May 2021</i>	<i>June 2021</i>
<i>June 2021</i>	<i>July 2021</i>
<i>July 2021</i>	<i>August 2021</i>
<i>August 2021</i>	<i>September 2021</i>
<i>September 2021</i>	<i>October 2021</i>
<i>October 2021</i>	<i>November 2021</i>
<i>November 2021</i>	<i>December 2021</i>

5. SCOPE AND COVERAGE

5.1 The population of Salaries & Wages Survey is similar to LFS which covers both urban and rural areas for all administrative districts within all states in Malaysia. The survey population is defined to cover persons who live in private living quarters (LQs); hence excludes persons residing in institutional LQs such as hotels, hostels, hospitals, prisons, boarding houses, and workers residing in construction work site.

5.2 Although the Salaries & Wages Survey did not cover the institutional population, no attempt was made to adjust for the exclusion of the population living in institutional LQs from the independent mid-year post census population estimates. Based on the 2010 Population and Housing Census, those living in institutional LQs were less than four per cent of the total population. This percentage was small and did not affect the estimates of salaries & wages statistics.

5.3 The information on salaries & wages is only collected from respondents aged 15 years and over who were employed in the public or private sector and fulfil at least one of the following criteria:

- i. Employees who are working full-time;
- ii. Employees who did not work during the reference month but receiving salaries & wages and will definitely be called for work;
- iii. Working for at least 6 hours a day or at least 20 days a month for the usual occupation done every month;
- iv. Contract workers in the government sector;
- v. Individuals who receive regular and periodic allowances every month (example: Ketua Kampung, Penghulu, Pemaju Mukim, Penggawa, Siak/Nuja, Imam, Bilal dan Tok Empat); or
- vi. Volunteers who receive fixed allowance i.e Malaysian Civil Defence Force (APAM), RELA and Territorial Army.

5.4 Salaries & wages data are not covered for the following respondents:

- i. Employers;
- ii. Own account workers;
- iii. Unpaid family workers;
- iv. Domestic personel of household as employers such as maids, gardeners, drivers and nurses of private households;
- v. Temporary workers such as students working in the business premises outside studying hours and receive wages at hourly rate;
- vi. An apprentice who receives allowances in the reference month;
- vii. Volunteers other than APAM, RELA and Territorial Army;
- viii. Employees (government or private) on unpaid leave in the reference month even though they have work to return to;
- ix. Employees who receive low salaries & wages than usual due to be laid off or termination of contract;
- x. Temporary Daily Workers (PSH) in government sector; and
- xi. Casual workers which refers to workers with the following characteristics:
 - Work done on daily basis;
 - Without any contract or formal binding;
 - Short duration of work;
 - No skills;
 - No permanent industry;
 - Perform a variety of job at a time;
 - Duration of working time is uncertain; and
 - No fix income.

5.5 For analysis purposes, the Salaries & Wages Survey takes into account information of the employees in the working age group of 15 to 64 years. This is in line with the analysis of LFS which defines this group as the economically active population.

6. SAMPLING FRAME

6.1 The frame used for the selection of sample for Salaries & Wages Survey 2021 is based on the Household Sampling Frame which is made up of enumeration blocks (EBs) created for the 2010 Population and Housing Census and was updated from time to time.

6.2 EBs are geographically contiguous areas of land with identifiable boundaries created for survey operation purposes, which on average contains about 80 to 120 LQs. Generally, all EBs are formed within gazetted boundaries, i.e. within mukim or local authority areas.

6.3 The EBs in the sampling frame are also classified into urban and rural areas.

i. *Urban areas*

Gazetted areas with their adjoining built up areas with a combined population of 10,000 or more at the time of the 2010 Population and Housing Census.

- *Built up areas*

Areas contiguous to a gazetted area with at least 60 per cent of their population (aged 15 years and over) engaged in non-agricultural activities.

The definition of urban areas also takes into account the special development area namely the development area which is not gazetted and can be identified and separated from the gazetted area or built up area of more than 5 km with population of at least 10,000 persons where 60 per cent of the population (aged 15 years and over) were involved in non-agricultural activities.

ii. *Rural areas*

All other gazetted areas with population of less than 10,000 persons and non gazetted areas.

6.4 Urbanisation is a dynamic process and keeps changing in line with progress and development. Thus, the urban areas for the 2000 and 2010 censuses do not necessarily refer to the same areas, as areas fulfilling the criteria of urban continue to increase or grow with time.

7. SAMPLE DESIGN

7.1 A stratified two-staged sample design is adopted, that is:

i. *Primary strata: urban and rural strata; and*

ii. *Secondary strata: states and administrative district within the primary strata.*

7.2 Two-stage sample selections are implemented and samples are drawn randomly. The first stage units of sample selection are the EBs while the second stage units are the LQs within the EBs. All households and persons within the selected LQs are canvassed. At every stage of selection, the units are selected systematically with equal probability within each level of the secondary strata.

8. SAMPLE SIZE

8.1 The sample size for this survey is required to represent overall population following the level of analysis requirement. The sample size has accounted for the following elements:

- i. Response rate of the previous survey;
- ii. Level of sampling design; and
- iii. Desired error.

Factors that are taken into consideration to finalise the sample size are cost, time and human resources.

8.2 The sample size of the Salaries & Wages Survey in 2021 are as follows:

State	Number of selected EBs	Number of selected EQs
Johor	1,152	9,216
Kedah	1,020	8,160
Kelantan	804	6,432
Melaka	468	3,744
Negeri Sembilan	732	5,856
Pahang	912	7,296
Pulau Pinang	660	5,280
Perak	1,044	8,352
Perlis	300	2,400
Selangor	1,140	9,120
Terengganu	684	5,472
Sabah	1,416	11,328
Sarawak	1,440	11,520
W.P. Kuala Lumpur	456	3,648
W.P. Labuan	132	1,056
W.P. Putrajaya	144	1,152
Malaysia	12,504	100,032

9. ESTIMATION PROCEDURE

9.1 Current population estimates by age group, sex, citizenship, ethnicity and state were used as the benchmark to produce salaries & wages statistics through combined ratio estimated method which are adjusted weight¹ and population factor².

9.2 Two types of population statistics produced are:

- i. **Population projection** to indicate the size and structure of the population in the long term based on certain assumption on the trend of fertility, mortality and migration.

These statistics are used as input to formulate future plans and policies.

ii. **Current population** estimates to illustrate the size of the current population and is prepared annually based on the recent data on birth, death and migration.

9.3 Starting with the Salaries & Wages Survey 2015, the salaries & wages statistics were estimated based on the current population estimates compared to the previous approach which used population projection. In line with the current population estimates, the time series statistics for 2010 onwards were updated based on the current population estimates.

10. CONCEPTS AND DEFINITION

10.1 Salaries & wages information collected are based on the principal occupation of the public or private employees during the reference month. Wage rates information can be used to measure wage differentials as well as the correlation between salaries & wages to labour mobility.

10.2 Statistics on salaries & wages presented in this report refer to wage rate consisting of basic wages, cost-of-living allowances and other guaranteed and regularly paid allowances in cash or in kind and overtime payment. However, it excludes bonuses and gratuities, family allowances and social security payments made by employers

10.3 Household is defined as a person or group of related or unrelated persons who usually live together and make common provision for food and other living essentials.

10.4 Ethnic group is categorised within Malaysia citizens those who are non-citizens. The classification is as follows:

i. Malaysian Citizens

- Bumiputera
- Chinese
- Indians
- Others

ii. Non-Malaysian citizens

10.5 Living quarters

Living quarters is defined as any separate and independent structures which is constructed and intended as place of abode.

i. Separate

A structure is considered separate if it is surrounded by walls, fence, etc. and is covered by roof.

ii. Independent

A structure is independent if it has direct access via public path, communal passageway or space (that is occupants can come in or go out of their living quarters without passing through others' premises).

10.6 Educational attainment

Refers to the highest level which a person has completed schooling or is currently attending school in a public or private educational institution that provides formal education and is categorised as follows:

- i. No formal education
Refers to persons who never attended school in any of the educational institutions that provide formal education.*
- ii. Primary
Refers to those whose highest level of education attained is from Year 1 to 6 or equivalent.*
- iii. Secondary
Refers to those whose highest level of education attained is from Form 1 to 5 (including remove class), General Certificate of Education 'O' Level or equivalent. Includes basic skill programmes in specific trades and technical skills institutions where the training period is at least six months e.g. GIATMARA.*
- iv. Tertiary
Refers to those whose highest level of education is above Form 5.*

10.7 Highest certificate obtained

Refers to the highest certificate obtained from public or private educational institution that provides formal education and is adopted from the International Standard Classification of Education (ISCED).

- i. SPM and below*
 - UPSR/UPSRA or equivalent
Refers to Ujian Penilaian Sekolah Rendah, Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama or equivalent.*
 - PT3/PMR/SRP/LCE/SRA or equivalent

Refers to Pentaksiran Tingkatan 3, Penilaian Menengah Rendah, Sijil Rendah Pelajaran, Lower Certificate of Education, Sijil Rendah Agama or equivalent.*
 - SPM or equivalent
Refers to Sijil Pelajaran Malaysia or equivalent (Senior Cambridge Certificate, General Certificate of Secondary Education 'O' Level and Malaysia Certificate of Vocational Education). This includes basic skill certificate obtained from specific trades and technical skills institutions where the training period is at least six months e.g. GIATMARA certificate.*

- ii. *STPM or certificate*
 - *STPM or equivalent*
Refers to Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Higher School Certificate or equivalent (Sijil Tinggi Agama and General Certificate of Education 'A' Level).
 - *Certificate*
Refers to certificate obtained from college, polytechnic or other institutions which offers formal education. Duration of certification should not be less than six months.
- iii. *Diploma*
Refers to diploma or equivalent certificate obtained after category (i) or (ii) from university, college or polytechnic prior to a degree qualification.
- iv. *Degree*
Refers to degree (Bachelor, Masters or PhD) obtained from public or private higher institution or equivalent.
- v. *No certificate/Not applicable*
 - *No certificate*
Refers to those who are currently attending school or who have completed schooling without receiving any certificate.
 - *Not applicable*
Refers to those who have no formal education.

10.8 Occupation

For the 2010 data, occupation is classified according to the Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO) 1998 based on the International Standard Classification of Occupations (ISCO-88) as follow:

1. *Legislators, senior officials and managers*
2. *Professionals*
3. *Technicians and associate professionals*
4. *Clerical workers*
5. *Service workers and shop and market sales workers*
6. *Skilled agricultural and fishery workers*
7. *Craft and related trades workers*
8. *Plant and machine-operators and assemblers*
9. *Elementary occupations*

Occupation for the 2011-2015 data is classified according to the Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO) 2008 based on the International Standard Classification of Occupations (ISCO-08) as follow:

1. *Managers*
2. *Professionals*
3. *Technicians and associate professionals*
4. *Clerical support workers*
5. *Service and sales workers*
6. *Skilled agricultural, forestry and fishery workers*
7. *Craft and related trades workers*
8. *Plant and machine-operators and assemblers*
9. *Elementary occupations*

Since 2016, occupation is classified according to MASCO 2013 which was also based on the ISCO–08 but was improved in line with the transformation of work process and areas of specialization as well as the complexity and dynamics in skills and tasks. The classification of occupation based on MASCO 2013 are as follows:

1. *Managers*
2. *Professionals*
3. *Technicians and associate professionals*
4. *Clerical support workers*
5. *Service and sales workers*
6. *Skilled agricultural, forestry, livestock and fishery workers*
7. *Craft and related trades workers*
8. *Plant and machine-operators and assemblers*
9. *Elementary occupations*

For a person having more than one job, only the job at which he/she worked for the longest number of hours during the reference week is treated as his/her principal occupation. Should the number of hours worked for each job is the same, then the job with the highest income is the principal occupation. In cases where the number of hours worked and the income earned from each job are the same, the job at which he/she was working for the longest period of time is considered as the principal occupation.

10.9 Industry

Industry is classified according to the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 version 1.0 based on the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC) Revision 4.

A person's industry classification refers to that of his principal occupation.

Sectors for the statistical table are the reclassification of industry as follows:

Sector	MSIC 2008
Agriculture	Agriculture, forestry and fishing
Mining & quarrying	Mining and quarrying
Manufacturing	Manufacturing
Construction	Construction
Services	Electricity, gas, steam and air conditioning supply
	Water supply; sewerage, waste management and remediation activities
	Wholesale and retail trade; repair of motor vehicles and motorcycles
	Transportation and storage
	Accommodation and food and beverage service activities
	Information and Communication
	Financial and insurance/takaful activities
	Real estate activities
	Professional, scientific and technical activities
	Administrative and support service activities
	Public administration and defence; compulsory social security
	Education
	Human health and social work activities
	Arts, entertainment and recreation
Other service activities	
Activities of extraterritorial organization and bodies	

11. RELIABILITY OF STATISTICS

The statistics generated based on survey conducted with probability sampling are subjected to two types of errors which are sampling and non-sampling errors.

11.1 Sampling error

Sampling error is a result of estimating data based on a probability sampling survey compared to the population. Such error in statistics is termed as Relative Standard Error (RSE) and is expressed in percentage. This error is an indication to the precision of the parameter under study. In other words, it reflects the extent of variation of sample-based estimates compared to the parameter of population.

Sampling errors of estimates on a few important variables at national and state

levels are calculated separately as shown in the Tables D1 to D3. For Salaries & Wages Survey 2021, mean monthly salaries & wages was RM3,037 with an RSE of 0.35 per cent and standard error (SE) of RM10.71. At 95.0 per cent confidence interval ($\alpha = 0.05$), mean monthly salaries & wages was in the range of RM3,016 to RM3,058.

11.2 Non-sampling error

The error may arise through incomplete survey coverage, weaknesses in the frame, response errors, non-response errors and also errors during processing either through editing, coding or data capture. To ensure that data is of high quality, several administrative procedures were taken to minimise non-sampling errors. Intensive training was conducted for the supervisors and enumerators. In addition, close supervision and random checks were carried out on households covered by the enumerators to ensure the validity of the recorded information.

In order to resolve the case of non-response error due to several reasons such as vacant house, 'no one at home', refusal to co-operate or unqualified LQ, the sample size estimation for this survey has taken into account all those possibilities.

The survey frame is updated regularly to overcome the problem of non-response due to vacant home. Publicity was carried out widely through electronic and printed media to minimise the case of 'no one at home' and refusal to cooperate.

In addition, at the data processing stage, consistency checking and validation process has been systematically implemented for each variable in order to minimise the non-sampling error.

12. PRESENTATION OF STATISTICS

The statistics in this report are presented at the national level comprises the following topics:

- i. Sex;
- ii. Age group;
- iii. Educational attainment;
- iv. Highest certificate obtained;
- v. Urban and rural strata;
- vi. State;
- vii. Occupation;
- viii. Skill Category;
- ix. Industry;
- x. Sector;
- xi. Ethnic; and
- xii. Non-citizens.

13. **ROUNDING OF ESTIMATES**

The sum of individual figures may not always equal to the totals shown in related tables because of independent rounding to one decimal place. However, the differences are not obvious.

14. **NOTES, SYMBOL AND ABBREVIATION**

-	<i>Nil/ no cases</i>
n.a	<i>Not applicable</i>
W.P.	<i>Wilayah Persekutuan</i>
0.0	<i>Less than half the smallest units shown; for example less than 0.05 per cent</i>
*	<i>Number of recipients is too small to estimate</i>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank